

Symbolic Geometry In Sulaiman Esa Paintings Through The Principles of Islamic Art

Wan Soliana Wan Md Zain*

*Faculty of Innovative Design and Technology
Universiti Sultan Zainal Abidin
Gong Badak Campus, Terengganu
Malaysia
Email: wliana411@uitm.edu.my*

Marzuki Ibrahim*

*Faculty of Innovative Design and Technology
Universiti Sultan Zainal Abidin
Gong Badak Campus, Terengganu
Malaysia
Corresponding author
Email: marzukiibrahim@unisza.edu.my*

Salwa Ayob*

*Department of Ceramic Design, College of Creative Arts
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Malaysia
Email: salwa948@uitm.edu.my*

Noor Hafiza Ghazali*

*Faculty of Innovative Design and Technology
Universiti Sultan Zainal Abidin
Gong Badak Campus, Terengganu
Malaysia
Email: nhafiza@uitm.edu.my*

Rushana Sulaiman*

*Department of Fine Arts, College of Creative Arts
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Malaysia
Email: rushana@uitm.edu.my*

Received Date: **05.05.2024**; Accepted Date: **01.10.2024**; Available Online: **15.10.2024**

**These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

This paper explains geometric motifs through Islamic aesthetic point of view in the painting Garden of Mystery VI (1992) by Sulaiman Esa. Islamic art prescribes the whole way of life and all the activities that humans carry out in *syumul* (complete togetherness), including in the study of art. Islamic art is one of the advances in the civilization of the Islamic world and geometry is among the three motifs of Islamic art that are highly praised by the world community apart from calligraphy and Arabes. Islam has established those religious aspects play an important role in determining the basis and foundation to produce an element in the arts. It can be identified in geometric motifs through shape, meaning and symbolism that tend to have the concept of 'Shari'a'. The main purpose of the study was to identify the types of geometric motifs and patterns in the painting artwork Garden of Mystery VI (1992). Explore the relationship between formalistic aspects of Islamic art and aesthetics through the production of Sulaiman Esa's

paintings. This study also aims to see the aesthetic value of Islam which involves the pronunciation of symmetry in the context of mathematical culture. The written and visual data collection methodology in this study uses a qualitative approach that involves the design of case studies based on fieldwork empirical data obtained. Methods of observation, documentation and visual recording were used for the collection of research information. The findings of the study show that geometric motifs are decorations in Islamic art that comply with Islamic law and have their own privileges. An understanding of the form, purpose, philosophy, concept and purpose of geometric design application should be applied in Islamic painting artwork to form Islamic images and identities. Once again guide Islamic painters to internalise, understand and try to stimulate painters to dignify the true motives of Islam.

Keywords: *Geometry, Islamic Arts, Paintings*

Simbolik Geometri Dalam Catan Sulaiman Esa Melalui Prinsip Seni Islam

Wan Soliana Wan Md Zain*

*Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, Terengganu
Malaysia
Email: wliana411@uitm.edu.my*

Marzuki Ibrahim*

*Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, Terengganu
Malaysia
Penulis Koresponden
Email: marzukiibrahim@unisza.edu.my*

Salwa Ayob*

*Jabatan Seni Reka Seramik, Kolej Pengajian Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,
Malaysia
Email: salwa948@uitm.edu.my*

Noor Hafiza Ghazali*

*Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, Terengganu
Malaysia
Email: nhafiza@uitm.edu.my*

Rushana Sulaiman*

*Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif,
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kelantan,
Malaysia
Email: rushana@uitm.edu.my*

Tarikh masuk: **05.05.2024**; Tarikh terima: **01.10.2024**; Tarikh terbit: **15.10.2024**

**Semua penulis menyumbang dalam kajian ini*

ABSTRAK

Kertas kajian ini menerangkan tentang motif geometri melalui sudut pandangan estetika Islam dalam karya seni catan Garden of Mystery VI yang dihasilkan pada tahun 1992 oleh Sulaiman Esa. Islam menentukan cara hidup yang menyeluruh dan segala kegiatan yang dilakukan manusia secara syumul, termasuklah juga di dalam kajian kesenian. Kesenian Islam merupakan salah satu kemajuan dalam peradaban dunia Islam dan geometri merupakan antara tiga motif kesenian Islam yang disanjung tinggi oleh masyarakat dunia selain dari khaligrafi dan arabes. Islam telah menggariskan ketetapan bahawa aspek agama memainkan peranan yang penting dalam menentukan dasar dan teras bagi penghasilan sesuatu unsur dalam bidang kesenian. Ianya dapat dikenal pasti dalam motif geometri melalui bentuk, makna dan simbolik yang cenderung dengan pemilikan konsep syariat. Tujuan utama kajian adalah mengenal pasti jenis motif dan corak geometri

dalam karya seni catan Garden of Mystery VI. Meneroka hubung kait antara aspek formalistik seni dan estetika Islam menerusi penghasilan karya catan Sulaiman Esa. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat nilai estetika Islam yang melibatkan pengucapan simetri dalam konteks budaya matematik. Metodologi pengumpulan data secara bertulis dan visual dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes yang berasaskan kepada kerja lapangan secara empirikal data yang diperolehi. Kaedah pemerhatian dokumentasi dan visual rakaman digunakan untuk pengumpulan maklumat kajian. Dapatan kajian menunjukkan motif geometri merupakan hiasan dalam kesenian Islam yang menepati syariat Islam serta mempunyai keistimewaan tersendiri. Pemahaman tentang bentuk, maksud, falsafah, konsep dan tujuan aplikasi reka bentuk geometri perlu diterapkan di dalam karya seni catan Islam bagi membentuk imej dan identiti bercirikan Islamik. Sekali gus membimbing pelukis Islam menghayati, memahami dan berusaha merangsang pelukis memartabatkan motif Islam yang sebenar.

Kata kunci: *Geometri, Kesenian Islam, Catan*

PENGENALAN

Geometri merupakan satu daripada tiga motif seni Islam selain daripada motif kaligrafi dan arabesque. Ia tidak menggunakan bentuk figura yang bersifat realistic yakni bertentangan dengan ajaran Islam (Ros Mahwati et al., 2018). Sebenarnya, perkataan geometri berasal daripada bahasa Yunani yang mana 'geo' bermaksud bumi dan 'metri' bermaksud ukuran. Ukuran adalah sebahagian dari matematik yang antara lain tumpuan kajiannya mengenai saiz, bentuk dan kedudukan relatif dari rajah dan sifat ruang (De Risi, 2015). Menurut Annenberg Foundation (2017) pula, geometri adalah ilmu matematik berkaitan bentuk dan ruang yang terhasil dari bentuk asas seperti bulat, segi empat dan segi tiga secara pengulangan bagi menghasilkan corak yang kompleks dan mengagumkan. Bentuk-bentuk asas geometri dikenali sebagai poligon iaitu berdasarkan pada jumlah tepi (sisi), bersudut serta mempunyai simetri garis dan simetri pantulan. Terdapat tiga rupa asas geometri iaitu bulatan, segi empat dan segi tiga. Ketiga-tiga rupa ini merupakan nadi kepada pembentukan rupa geometri lain seperti oval, trapezoid, pentagon, pentagram, parallelogram, heksagon dan oktagon.

Geometri adalah matematik yang menyelesaikan tentang kajian garis, sudut, bentuk, perimeter, kawasan dan isi padu. Dalam setiap rupa bentuk geometri, terdapat perbezaan dalam struktur yang melibatkan dua perkara iaitu garisan dan sudut. Garisan ditakrifkan sebagai satu dimensi yang mempunyai ukur panjang tetapi tidak mempunyai lebar atau tinggi manakala sudut ditakrifkan sebagai mempunyai dua sinar atau dua ruas garis yang bertemu di satu titik pangkal yang sama. Setiap dua titik akan menghasilkan sudut tegak, sudut lancip dan sudut tumpul. Segi tiga ialah bentuk asas geometri.

Geometri dalam seni Islam pada dasarnya adalah suatu pengucapan langsung kepada Allah SWT sebagai suatu bentuk penghayatan, pujian dan kesyukuran melalui ciptaan seni visual yang unik dan kreatif. Idea dan ciptaan visual yang datang kepada seseorang adalah lahir atau terbit daripada sumber inspirasi yang mendalam. Dalam kesenian Islam, ragam hias yang menggunakan elemen ulangan seperti poligon bulatan, segi tiga dan segi empat adalah cerminan kreativiti seniman Muslim terutama dalam menggabungkan unsur-unsur geometri dalam pendekatan matematik. Oleh sebab itu, seni Islam lebih bercirikan matematikal melalui penggunaan motif geometri seperti yang terdapat dalam penghasilan karya seni. Menerusi kesenian Islam, terdapat susunan yang membentuk keseimbangan, kesemeterian dan pengulangan menerusi motif geometri lalu mewujudkan keharmonian dalam karya (Wan Soliana et al., 2020).

Seniman Muslim lazimnya memperoleh sumber inspirasi dengan merujuk kepada sumber alam semula jadi seperti, flora, fauna dan kosmos. Hasil daripada kaedah observasi dan penakulan tersebut maka diolah dengan menampilkan suatu rekaan rupa bentuk, motif dan pola baharu melalui proses

denaturalisasi atau pengayaan iaitu memisahkan dari sifat fizikal sebenar sesuatu objek. Pendekatan untuk menghilangkan sifat fizikal sebenar objek, mendorong seniman Muslim menghasilkan motif-motif geometri berteraskan corak abstrak yakni memaparkan objek-objek tersebut dalam rupa bentuk seperti bulatan, segi tiga dan segi empat yang diulang, digabung atau ditindan. Oleg Grabar yang merupakan seorang sejarawan dan arkeologi terkemuka dalam bidang seni dan seni bina Islam menyatakan fungsi penting geometri dalam hiasan Islamiah adalah sebagai pengantaraan antara jambatan antara duniawi dengan ketuhanan (Zand, 2019).

Menurut Ismail Raji al-Faruqi dan Lois Lamya al-Faruqi (1986), seni Islam adalah satu manifestasi estetik yang berpaksikan al-Quran dan hadis sebagai panduan dalam menyampaikan sesuatu mesej berkenaan kesenian Islam. Konsep kesenian dalam perspektif Islam ialah membimbing manusia ke arah tauhid serta diterjemahkan sebagai suatu bentuk pengabdian diri kepada Allah SWT. Maka, seni Islam dibentuk untuk melahirkan manusia yang berakhlak dan beradab serta tidak lari dari batas-batas syariat. Justeru, seni Islam bertitik tolak dari akidah Islam yakni berpegang kepada doktrin tauhid iaitu pengesaan kepada Allah SWT lantaran direalisasikan dalam karya-karya seni.

Sehubungan itu, dapatlah dinyatakan bahawa kesenian Islam adalah hasil karya tentang keindahan yang wujud dalam jiwa seseorang Muslim selaras dengan aturan dan makna yang menghubungkan aspek keindahan dan kebenaran tentang kebesaran Allah SWT. Bagi memastikan setiap ciptaan, penghayatan dan tingkah laku manusia tidak bertentangan dengan syariat, kesenian Islam amat mengambil berat aspek seperti niat, kaedah mencipta, bahan, motif, penghayatan, imej, mesej dan matlamat (Muhammad Khairul Hafiz et al., 2019).

Di Malaysia, seni Islam dikatakan bermula di antara tahun 1971 hingga 1990 dan boleh dianggap sebagai era kebangkitan yang menjadi salah satu gerakan seni utama dalam perkembangan seni lukis moden. Perkembangan tersebut boleh menelusuri akan pembabitan beberapa seniman Muslim dalam pelbagai pameran seni Islam dalam dua dekad tersebut antaranya seperti Syed Ahmad Jamal, Ahmad Khalid Yusof, Sharifah Fatimah Zubir, Ismail Mustam, Ibrahim Hussein, Fatimah Chik, Sulaiman Esa, Ruzaika Omar Basaree dan lain-lain (Muhammad Faiz Sabri et al., 2019).

Rujukan estetika menerusi kesenian Islam wujud adalah hasil daripada perkembangan positif terhadap Islam sebagai nilai dan gaya hidup yang sempurna. Ini dapat dilihat dalam karya-karya seni lukis moden di Malaysia di mana penggunaan bentuk dan motif Melayu-Islam dapat dilihat dalam karya-karya seni catan Sulaiman Esa. Beliau banyak mengetengahkan bentuk-bentuk geometri dalam karya (Mulyadi, 2007). Karya catan yang bercirikan kesenian Islam adalah sinonim dengan pelukis Sulaiman Esa yang mula diperkenalkan dalam catan beliau pada sekitar tahun 1980an lagi. Beliau merupakan penggerak utama seni Islam yang mengangkat karya yang berimejkan motif Melayu-Islam. Motif ini diinspirasi dari kraf Melayu yang menampakkan ciri-ciri identiti bagi masyarakat.

Sulaiman Esa cuba untuk mengetengahkan dan menghubungkan kerohanian Islam dengan paparan yang menonjolkan tradisi Melayu-Islam dalam karya di samping mengelakkan nilai sekular di dalam karya (Khatijah, 2016). Wujud anjakan paradigma ke arah kesedaran dan pembangunan seni Islam di Malaysia iaitu di sekitar awal tahun 1980 an lalu sambutan oleh Sulaiman Esa dengan komitmen tinggi dan pendekatan berani. Kesenian Melayu-Islam dikenali melalui penciptaan motif dari sudut hiasan dan reka bentuk yang memperlihatkan kecenderungan pengaplikasian unsur alam semula jadi dan unsur geometri ke dalam karya seni (Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2008). Menerusi karya kesenian Melayu-Islam, konsep geometri berkembang dengan meluas berpandukan kedudukan reka bentuk yang seimbang menerusi olahan susunan corak secara pengulangan yang seimbang dan harmoni. Perhubungan di antara bahagian-bahagian tertentu menghasilkan irama yang menenteramkan jiwa (Syed Ahmad, 2012).

KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia terdapat banyak penyelidikan yang dilaksanakan oleh para sarjana berkaitan geometri menerusi seni visual, kebudayaan dan seni bina. Kebanyakan penyelidikan tentang geometri adalah tertumpu pada seni bina, tenunan, anyaman, ukiran, batik dan permainan tradisional (Wan Muhammad Afiq & Sharifah Kartini, 2018). Terdapat elemen dan corak geometri dalam kesenian Islam yang berteraskan aspek fungsional dan bernilai estetik secara fizikal dan spiritual (Norliza, 2021). Penyelidikan tersebut membicarakan tujuh simbolik di sebalik penggunaan geometri Islam iaitu tauhid (pemusatan dan keesaan kepada Allah SWT), perpaduan dan penyatuan (*unity*), keseimbangan dan keharmonian alam semester, aturan (*order*), penentuan arah (*sense of direction*), keindahan serta budaya Islam dan praktikaliti dalam Islam. Penyelidikan beliau telah menyumbang kepada pemahaman maksud, konsep dan tujuan aplikasi reka bentuk geometri yang perlu diterapkan di dalam membentuk imej dan identiti berciri Islamik.

Cromwell (2021) dalam penyelidikannya menyatakan bahawa corak geometri Islam merupakan susunan kompleks bintang dan poligon yang saling bertautan. Menurutnya lagi, geometri adalah artifak budaya dan bukannya rangsangan yang direka khusus untuk tujuan eksperimen saintifik. Apabila seseorang manusia yang tidak biasa melihat corak geometri, mereka juga tidak akan melihat sama ada garisan, sudut dan lintasan.

Penyelidikan oleh Rushana dan Halim (2019) terhadap karya seni catan Ruzaika Omar Basaree bertajuk *Siri Dungun* (1981) menunjukkan bahawa pelukis menerapkan elemen binaan tradisional Melayu yang menampilkan reka bentuk simetri melalui penggunaan motif geometri. Pemetaan kerangka konsep yang digunakan dalam penyelidikan yang mendasari reka bentuk subjek dan makna estetika bagi mengklasifikasikan reka corak karya seni catan dengan menggunakan proses transformasi simetri. Hasil penyelidikan menunjukkan karya seni catan bukan sahaja boleh dilihat daripada sudut formalistik seni sahaja, malahan boleh diperlihatkan dalam konteks etnomatematik menerusi penerapan ciri-ciri simetri dalam penghasilan karya.

Jelasnya geometri adalah salah satu motif kesenian Islam tentang keindahan yang tercipta dan lahir dari jiwa seseorang yang menghubungkan aspek keindahan dan kebenaran tentang kewujudan Allah SWT. Kreativiti seniman Muslim menghasilkan reka corak geometri melalui penggunaan rupa bulat, segi tiga dan segi empat memberi gambaran akan ketinggian tahap pemikiran anugerah Tuhan. Matlamatnya adalah untuk membimbing manusia ke arah berkonsepkan tauhid dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Menurut Roxane Zand (2019), dari awal abad ke-19 sehingga ke hari ini, telah membolehkan kita melihat pengkhususan budaya dan ajaran matematik yang terlibat dalam pembangunan geometri dalam seni Islam. Ini dapat dilihat pada aspek pertukangan mahupun kejuruteraan yang tepat untuk menutup ukuran dinding, gerbang dan kubah yang luas dalam seantero dunia Islam. Sehubungan itu adalah wajar untuk memastikan setiap ciptaan, penghayatan dan tata laku manusia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Ini kerana kesenian Islam amat mengambil berat aspek seperti niat, kaedah mencipta, bahan, motif, penghayatan, imej, mesej dan matlamat (Muhammad Khairul et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian ini adalah berbentuk kualitatif deskriptif dengan pendekatan antara-disiplin. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes dengan analisis pengkaryaan ke atas seni catan yang melibatkan motif geometri dalam *Garden of Mystery VI* (1992) oleh Sulaiman Esa. Penelitian terhadap konsep geometri Islam ini dijalankan bagi mengklasifikasikan reka bentuk corak dalam catan. Skop penyelidikan adalah melibatkan subjek, rupa bentuk dan makna dalam memahami konsep geometri dan simbolisme dalam konteks kesenian Islam. Terdapat tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu pemerhatian, rakaman visual dan analisis kandungan (content analysis). Data dikumpul adalah berasaskan kepada lapangan secara empirikal yang diperoleh ketika berada di tempat kajian.

ANALISIS KARYA

Pemilihan sampel kajian adalah karya catan bercirikan estetika Islam iaitu 'Garden of Mystery VI' yang dihasilkan oleh tokoh pelukis terkenal Malaysia iaitu Sulaiman Esa. Beliau merupakan salah seorang penggerak utama seni Islam yang berupaya mengangkat karya berinspirasi Islam dengan menengahkan motif yang beridentitikan Melayu-Islam semenjak 1950-an hingga kini (Raja'ah, 2011).





Rajah 1. Garden of Mystery VI

(Sumber: Koleksi Seni Visual Negara (Malaysia), 2022)

'Garden of Mystery VI' dihasilkan pada tahun 1992 dan merupakan koleksi seni visual negara Malaysia. Karya ini adalah bersegi empat sama, berukuran 216 sentimeter tinggi dan 157 sentimeter lebar dengan satu panel format menegak dipamerkan tergantung pada dinding yang mengungkap ruang simbolik persis permaidani Islam. Reka bentuk tersebut seakan seni sejadah dan taman syurgawi tamadun Islam. Pelukis menggunakan media campuran iaitu daripada buluh, kertas buatan tangan, potongan kertas biasa, benang, kanvas, pencilup warna, cat minyak dan akrilik. Dalam catan ini, tumpuan adalah pada olahan warna serta sisipan anyaman. Keseluruhan permukaan catan yang diolah adalah menggunakan sistem grid yang mempunyai sifat-sifat matematik. Terdapat pelbagai olahan motif geometri dalam catan tersebut, antaranya ialah poligon bulat, segi empat tepat, segi empat sama, oktogon, heksagon, trapezium dan bintang yang diolah secara berulang-ulang. Interpretasi secara intrinsik tentang syurga yang digambarkan penuh keindahan dalam 'Garden of Mystery VI' adalah pengaruh daripada tasawuf (Khatijah, 2016). Karya catan ini mempunyai makna tersirat dan tersurat menerusi prinsip estetika dengan olahan simetri berbentuk pengulangan (Ruzaika, 2016).



Subjek permaidani yang menyerupai sejadah dalam catan ini memperlihatkan penggunaan sistem grid pada permukaan catan dengan warna-warna yang terang berbentuk poligon, bersimetri, pengulangan serta mempunyai unsur-unsur infiniti. Kombinasi motif tersebut bukan hanya membentuk identiti sesebuah karya, tetapi menunjukkan kreativiti seseorang pelukis. Menurut Jasman et al., (1996) menyatakan bahawa bentuk bulatan, bunga pecah lapan atau segi empat belah ketupat dihasilkan melalui corak garisan dalam motif geometri. Terdapat garisan berpaksi di tengah-tengah catan secara menegak dan melintang, separuh bulatan serta bulatan turut mendasari keseluruhan karya catan. Motif-motif ini dikenal pasti dan dianalisis sebagai catan yang kaya dengan unsur geometri menerusi subjek, bentuk dan makna serta simbolismenya.

Jadual 1. Motif Reka Bentuk Geometri

Garden of Mystery VI (1992)		
	Motif Flora	 Motif Belah Ketupat
	4-Titik	Motif Bunga Pecah Empa
		Rombus

Jadual 1 menunjukkan bentuk poligon yang tidak sekata iaitu rombus yang turut dikenalkan sebagai motif belah ketupat atau motif bunga pecah empat yang biasanya dikaitkan dengan estetika Melayu. Dalam kumpulan matematik, poligon dikenali dengan nama rombus cekung yang mempunyai empat sisi, empat sudut dan empat titik. Ia boleh dilihat dari pandangan sisi atau pandangan atas. Motif gaya geometri ini bersumberkan alam semulajadi iaitu flora berdasarkan rangka dasar bunga. Pilihan bunga pecah empat dapat diolah menjadi bunga pecah enam dan bunga pecah lapan. Konsep bunga pecah empat juga merupakan reka bentuk dasar bagi kebanyakan reka corak dan motif dalam kebanyakan karya catan tempatan. Ia turut memaparkan konsep simetri dua paksi pantulan pada motif bunga pecah empat. Proses ini menghasilkan empat sudut putaran iaitu masing-masing 90° . Ia membentuk corak yang mempunyai keseimbangan sudut melalui imbangan susunan simetri. Bunga pecah empat melambangkan tanah, air, api, dan angin iaitu empat unsur kosmologi utama dalam falsafah masyarakat Melayu. Keseimbangan empat unsur ini adalah merujuk kepada kesempurnaan dan keseimbangan terutamanya dalam bidang perubatan dan kesihatan. Keseimbangan empat unsur ini juga dapat menentukan keserasian keperibadian antara seseorang dengan seseorang yang lain terutamanya dalam menentukan pasangan (Arba'iyah, 2018).



Jadual 2. Motif Reka Bentuk Geometri

Garden of Mystery VI (1992)		
	Kosmos	 Motif Robus / Motif Berlian
	4-Titik	Motif Segi Empat
		Trapezium

Jadual 2 menunjukkan rupa bentuk poligon sekata iaitu rombus yang juga dikenali sebagai motif berlian. Poligon jenis ini dikenali dengan nama rombus cembung. Dalam istilah matematik, rupa bentuk ini dikenali sebagai segi empat sama dengan empat sisi yang berukuran sama panjang, dua sisi selari, empat sudut pedalaman yang sama 90° , empat bucu yang sama kecerunan, empat garis simetri dan empat titik dengan jarak yang sama. Motif ini memenuhi ruang kiri dan kanan serta atas dan bawah pada seluruh permukaan catan. Segi empat sama juga boleh terbentuk dari dua, empat atau lapan segi tiga sama sisi. Ia memperlihatkan konsep simetri daripada empat paksi pantulan pada motif rombus. Proses ini menghasilkan empat sudut putaran berukuran 45° pada setiap satunya. Ia membentuk corak yang mempunyai keseimbangan berpenjuru menerusi gubahan imbangan simetri. Karya catan di atas



memperlihatkan asas rupa bentuk segi empat yang mendominasi keseluruhan karya. Susun atur reka corak segi empat melalui penggunaan geometri seperti saiz, ulangan, tindanan, arah dan simetri menunjukkan aspek kesatuan yang baik dalam catan. Motif segi empat atau trapezium mempunyai simboliknya yang tersendiri dalam budaya Melayu. Ia membawa maksud akan hubungan keakraban dalam masyarakat. Maka adalah menjadi kewajipan bagi setiap orang dalam komuniti untuk melaksanakan tugas mereka membantu antara satu sama lain (Wan Norliza et al., 2022).

Jadual 3. Motif Reka Bentuk Geometri

Garden of Mystery VI (1992)		
	Fauna	 Motif Siku Keluang
	6-Titik	Motif Huruf V
		Heksagon

Jadual 3 merupakan motif fauna iaitu keluang dari spesies kelawar. Gambaran pada depan sayap kelawar yang lebar jelas menampakkan motif siku keluang yang juga menyerupai huruf V. Peggayaan keseluruhan sifat fauna kepada bentuk geometri ini menandai akan ketinggian pemikiran kreatif dan adunan penciptaan inovasi seniman Muslim. Motif ini menampakkan gaya geometri daripada poligon yang tidak sekata dari jenis heksagon yang mempunyai enam titik atau sisi. Dalam seni ukiran kayu, istilah siku keluang digunakan sebagai gambaran pada sesiku yang berfungsi sebagai sangga pada struktur binaan rumah. Dalam seni anyaman kelarai pula, motif geometri yang membentuk corak kekisi bersiku dikenali dengan nama kelarai siku keluang. Dalam konteks ini, ia menunjukkan konsep simetri dua paksi pantulan pada motif huruf V atau dipanggil siku keluang dalam seni Melayu. Ia membentuk corak yang mempunyai keseimbangan sudut melalui susunan imbalan simetri. Reka bentuk motif huruf V ini disusun secara mendatar dan berurutan mengelilingi permukaan catan. Motif huruf V atau siku keluang mempunyai simbolisme yang tersendiri dalam budaya Melayu dan kesenian Islam. Jelasnya, rupa bentuk geometri ini mempunyai nilai dari sudut rohani atau spritualiti. Huruf V atau segi tiga adalah tanda dalam corak Islam yang mewakili identiti Melayu dan ia digunakan untuk menyampaikan ucapan terima kasih, tauhid (tunduk) pada Allah SWT (Aiqa Afiqah & Mohamad Kamal, 2022).

Jadual 4. Motif Reka Bentuk Geometri



Garden of Mystery VI (1992)		
	Kosmos	 Motif Bintang Lapan
	8-Titik	Motif Bunga Pecah Lapan
		Oktagon

Jadual 4 menunjukkan keunikan dan daya kreativiti penggunaan motif kosmos dalam kategori poligon bintang. Motif ini juga dikenali dengan nama bunga pecah lapan ataupun kelopak lapan atau oktagon yang dikelaskan sebagai corak geometri 8 titik atau motif geometri berbucu lapan. Bintang lapan adalah satu bentuk geometri dari dua segi empat sama yang saling tumpang tindih dengan garis pusat yang sama iaitu pada sudut 45° . Terdapat banyak penggunaan rupa bentuk bintang lapan di dalam catan ini. Antaranya ia terhasil dari dua poligon segi empat sama yang bertindanan lantaran menjadi identiti sumber penciptaan dalam catan pelukis. Bintang lapan adalah bentuk geometri yang sering digunakan oleh para seniman Muslim di seluruh dunia dalam pelbagai dimensi seni seperti dalam tekstil, seni bina bangunan, seramik, kraf, kulit buku dan lain-lain.

Bintang merupakan lambang atau simbol sejagat atau universal orang-orang Islam di seluruh dunia. Penciptaan motif dari unsur kosmos diinspirasi pada elemen cakerawala iaitu bintang-bintang yang bertaburan di langit. Manusia lazimnya amat terpesona atau terkesima apabila melihat keindahan ciptaan Allah SWT terutama bintang-bintang yang bergemerlapan di langit pada waktu malam lalu mengucap syukur akan limpah rahmatNya. Justeru, simbol bintang diabadikan yang dapat dilihat penggunaannya pada bendera-bendera negara Islam tertentu di seluruh dunia seperti Turkiye, Pakistan, Algeria, Brunei dan juga Malaysia. Gambaran ini menunjukkan bahawa bintang merupakan unsur kosmos yang penting sekali gus menjadi lambang identiti bagi kebanyakan negara Islam di dunia.

Dalam konteks pemilihan motif-motif Melayu, bintang ataupun bunga pecah lapan biasanya dikaitkan dengan bunga kelopak lapan dari sudut pandangan atas atau pandangan sisi yang diinspirasi dari bunga lawang. Di dalam budaya Melayu-Islam, bintang mempunyai falsafah atau makna yang tersendiri iaitu sebagai tanda harapan, keberhasilan dan kemasyhuran. Tidak hairanlah masyarakat Melayu sering menggunakan sebutan bintang kepada seseorang yang dianugerahi kejayaan seumpama bintang emas, *the star*, bintang hati, bintang popular, laksana bintang dan sebagainya. Simbolisme bintang juga amat popular untuk menunjukkan kedudukan atau 'ranking' iaitu suatu ukuran penilaian, prestasi atau ulasan terhadap pencapaian pada sesuatu produk, perkhidmatan atau pengalaman. Penilaian ini adalah untuk menjelaskan mengenai tingkatan dalam pencapaian tertentu seperti istilah lima bintang yang lazim digunakan oleh masyarakat kita dalam sesuatu perkara.

Jadual 5. Motif Reka Bentuk Geometri

Garden of Mystery VI (1992)		
	Motif Geometri	 4-000 Segi Empat Sama
	4-Titik	Persegi

Jadual 5 memperlihatkan rupa bentuk motif segi empat sama. Pengolahan rupa bentuk ini pada keseluruhannya adalah bersudut tepat dengan garisan sisi yang sama panjang serta mempunyai empat paksi simetri. Secara keseluruhannya motif ini mendominasi akan keseluruhan ruang dalam catan. Pelbagai olahan segi empat terlihat menerusi saiz, arah dan susunan sekali gus menggambarkan kreativiti pelukis. Catan ini juga menunjukkan paksi pantulan yang memperlihatkan kesan 'reversible' iaitu imej seperti dalam cermin. Setiap satah pada imej yang dipantulkan mempunyai jarak yang sama dari paksi pantulan. Pemilihan motif ini dikategorikan sebagai bentuk yang mudah tetapi menarik untuk dilakarkan dalam catan. Jelasnya, segi empat sama mendasari karya catan Sulaiman Esa. Ia merupakan suatu paparan mengenai garisan grid yang menjadi perkiraan matematik dalam catan ini. Beliau banyak menggunakan

garis grid ini kerana kerangka keilmuan seni Islam menjelaskan akan intipati kerohanian juga disisipkan oleh grid dengan berpandukan sistem pengiraan matematik khusus dalam membentuk corak arabes dan geometri. Dalam menghasilkan catan ini, Sulaiman Esa mementingkan penerokaan dan pengolahan di atas permukaan rata kanvas dengan penggunaan sistem pengukuran dan grid bagi mendapatkan ukuran yang tepat untuk mencapai motif geometri seperti keseimbangan, pengulangan, simetri dan infiniti (Raja'ah, 2011).

RUMUSAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat pendekatan analisis geometri yang mendasari karya catan seni Islam melalui karya catan *Garden of Mystery VI* (1992) oleh Sulaiman Esa. Catan ini menggunakan corak geometri yang kaya dengan aspek simbolisme dan falsafah prinsip seni Islam. Motif geometri adalah hasil pengamatan pelukis dari alam semula jadi terhadap elemen flora, fauna dan kosmos lalu mengalami proses denaturalisasi, pengayaan dan abstraksi. Walaupun Sulaiman Esa berpandukan sejadah sebagai inspirasi, beliau memilih hiasan sejadah yang dipenuhi motif geometri berdekoratif dalam pengkaryaan. Bintang merupakan motif kosmos berbentuk geometri banyak digunakan terutama dalam karya-karya pelukis Islam di seluruh dunia. Menariknya, ia memberi maksud pencapaian yang tinggi, lambang Islam dan perdamaian. Ciri utama motif geometri merangkumi prinsip pengulangan yang diulang untuk membentuk satu reka corak yang berkonsepkan dunia infiniti. Ini bermakna, motif geometri itu diulang meliputi ke segenap ruang. Simetri akan tercipta bilamana reka bentuk geometri melalui prinsip pengulangan dapat terhasil meskipun kompleks pada rekaan. Dalam seni Islam, reka bentuk corak geometri yang berulang-ulang menunjukkan ciri-ciri kesenian Islam.

Corak geometri yang terkandung nilai estetik dan falsafah terdapat dalam semua proses reka bentuk dan kesenian Islam (Mohammad Abdullah Almandrawy et al., 2020). Geometri mempunyai struktur simetri sama ada secara nyata atau tidak secara umumnya mempunyai aturan dan makna (meaning and order) tertentu berteraskan perkiraan matematik yang membentuk karya limpahan nilai estetik. Alam semula jadi bagi seniman Muslim sering dijadikan sumber inspirasi atau aspirasi dalam menggayakan pelbagai corak motif dengan menghilangkan sifat dan bentuk asal sehingga membentuk pola atau corak yang bersudut dan bersegi. Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat dilihat sebagai satu landasan akademik bagi mendorong masyarakat umum untuk melihat karya catan dalam konteks dualisme iaitu dari sudut formalistik dan juga menghayatinya dalam konteks estetika Islam menerusi pengucapan geometri

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakam penghargaan kepada semua penulis yang telah menyumbang kepada penulisan ini

RUJUKAN

- Aiqa Afiqah Isnin & Mohamad Kamal Abd Aziz. (2022). Symbolism on Anyaman Kelarai Motif Fauna of Indigenous Craft. *Journal of Arts & Culture*, 1(1), 56-69.
- Arba'iyah Ab. Aziz. (2018). *Simbolisme dalam Motif Songket Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cromwell. P. R. (2021). *Looking at Islamic Patterns I: The Perception of Order*. <https://girihi.wordpress.com/research-papers/>

- De Risi, V. (2015). *Mathematizing space: The objects of geometry from antiquity to the early modern age*. Springer. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-12102-4>
- Ruzaika Omar Basaree. (2016). *Simbiosis: Keharmonian Seni Tradisional dan Seni Digital Kontemporari*. Balai Seni Visual Negara. Kuala Lumpur.
- Ismail Raji al-Faruqi and Lois Lamy al-Faruqi. (1986). *The Culture Atlas of Islam. America Journal of Islamic Social Sciences*.
- Jasman Ahmad, Siti Razmah Idris dan Sulaiman Zakaria. (1996). *Ukiran Melayu*. Petaling Jaya, Selangor: Pinang.
- Khatijah Sanusi. (2016). *Encountering Globalization: The Work of Sulaiman Esa from the 1950s to 2011. 1st International Conferences on Islamic Heritage Architecture and Art*.
- Mohammad Abdullah Almandrawy dan Eman Sayed Badawy Ahmad. (2020). *Islamic Art and The Identity of The Architecture Fundamental Design. International Journal of Trend in Scientific Research and Development (ijtsrd). Volume-4 | Issue-2, pp.165-171*
- Muhammad Faiz Sabri, Mumtaz Mohktar dan Muliyadi Mahamood. (2019). *Contemporary Islamic Art in Malaysia: New Trends and Approaches Since 2000*. http://dx.doi.org/10.1007/978-981-13-2677-6_29
- Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2019). *Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. Jurnal Fiqh, Vol. 16 No. 2. ms 321-352*
- Muhammad Khairul Hafiz, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2019). *Unsur Kearifan Tempatan dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. Jurnal Fiqh, 16(2), 321–352*.
- Muliyadi Mahamood. (2007). *Modern Malaysia Art: From the Pioneering Era to the Pluralist (1930-1990)*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Norliza Mohd Isa. (2021). *Simbolik Geometri Dalam Kesenian Islam. Prosiding Seminar Antar Bangsa "Konstruksi Rang Kreatif, Simbolik, Spiritual Seni Pertunjukan dalam Masyarakat Melayu"*. Jawa Timur: Singasana Budaya Nusantara.
- Raja'ah. (2011). *Seni, Idea dan Kreativiti Sulaiman Esa dari 1950-an-2011*. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad dan Siti Norbaya Mat Yacob. (2018). *Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar Di Alam Melayu. Jurnal Arkeologi Malaysia, Vol. 31, No. 1, hlm. 19-26 ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302*. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia
- Rushana Sulaiman @ Abd Rahim dan Halim Husain. (2019). *Apresiasi Karya Siri Dungun Melalui Elemen Simetri Dalam Konteks Etnomatematik*. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* Vol. 7 ms1-11
- Syed Ahmad, S. J. (2012). *Seni Rupa Islam. Menanggapi Identiti*. *Naratif Seni Rupa Malaysia*. (Kuala Lumpur: Rogue Art).

- Wan Muhammad Afiq Fauzan Wan Muhammad Fauzan & Syarifah Kartini Said Husain. (2018). Geometri dalam Tarian Zapin (Geometry in Zapin Dance). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 2(2). pp. 331-342.
- Wan Norliza Wan Bakar, Junaidi Awang & Mohd Saipuddin Mohd Hasbullah. (2022). Wau Bulan Motifs On Kelantanese Batik: An Ethnomathematics Study. *Journal of Islamic*, 7(47), 213-219.
- Wan Soliana Wan Md Zain, Marzuki Ibrahim, Rushana Sulaiman and Nor Hafiza Ghazali. (2020). The Symmetry Analysis in Sulaiman Esa Paintings Through Islamic Art Concept. *Ist International Conference on Design Innovation, Social Sciencs & Technology (ICDISSST2020)*.
- Zand, R. (2019). *Geometry and Art in The Modern Middle East*. Thames and Hudson Ltd.: United Kingdom.